



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2010**

**PERMOHONAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)  
GRED DG41 HINGGA DG48 YANG BERTUGAS DI INSTITUSI PENDIDIKAN,  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM)**

**TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai permohonan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik iaitu bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 hingga DG48 yang bertugas di Institusi Pendidikan (sekolah, Institut Aminuddin Baki, Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya kebenaran untuk mengambil bahagian secara aktif dalam suatu parti politik yang telah diberi kepada pegawai Kumpulan Sokongan dipanjangkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 hingga DG48. Kebenaran ini diberikan khusus kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Institusi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 hingga DG48 yang memegang jawatan Pengetua atau Guru Besar atau yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran di mana-mana institusi pendidikan dan agensi Kerajaan tidak boleh melibatkan diri dalam

aktiviti politik. Kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Bagi tujuan berkenaan, Kerajaan telah meminda Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993] melalui Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2010 [P.U.(A)250/2010] yang mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2010 (selepas ini disebut “Peraturan tersebut”).

### **TATACARA MEMBUAT PERMOHONAN**

4. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 hingga DG48 yang dibenarkan melalui Peraturan tersebut yang bercadang untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam parti politik hendaklah membuat permohonan dengan mengemukakan sesalinan borang JPA(T) 1/10 seperti di **Lampiran A** kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Ketua Jabatan masing-masing.

5. Ketua Jabatan dikehendaki memberi ulasan ke atas permohonan tersebut dengan mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan di **Lampiran B**.

### **SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN**

6. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 hingga DG48 yang diluluskan untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik **hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di Lampiran B**. Walau bagaimanapun Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menetapkan syarat-syarat tambahan yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.

7. Keputusan sama ada permohonan diluluskan atau tidak hendaklah diberitahu kepada pegawai menggunakan format seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D**. Keputusan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia adalah muktamad.


## **MAKLUM BALAS KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

8. Semua kelulusan permohonan penglibatan dalam aktiviti politik oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 hingga DG48 hendaklah disalinkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia).

### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2010.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

 Julai 2010

s.k

Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

**LAMPIRAN 'A'**

**BORANG JPA (T) 1/10**

**PERMOHONAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH  
GRED DG41 HINGGA DG48 YANG BERTUGAS DI INSTITUSI  
PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Gambar terkini  
(ukuran passport)

**BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Penuh (Huruf Besar) .....
2. Nombor Kad Pengenalan .....
3. (i) Gelaran Jawatan .....
- (ii) Gred Jawatan .....
- (iii) Taraf perkhidmatan tetap/kontrak/semestara (potong yang tidak berkenaan)
4. Institusi Pendidikan / Alamat Penuh Tempat Bertugas .....
  
  
  
  
  
5. (i) Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Kerajaan .....
- (ii) Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan.....
  
  
  
  
  
6. (i) Nama Suami / Isteri .....
- (ii) Pekerjaan .....

## **BAHAGIAN II : BUTIR-BUTIR PARTI POLITIK**

1. Nama parti politik .....
  2. Bahagian / Cawangan .....
  3. Nama jawatan yang dipegang / bertanding.....  
.....
  4. Tempoh kelulusan dipohon mulai ..... hingga .....

### **BAHAGIAN III : PERAKUAN PEGAWAI**

1. Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di Bahagian I dan II adalah benar.
  2. Dengan ini saya memohon kelulusan seperti dinyatakan di Bahagian II dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan di Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2010.

Tarikh : .....

### Tandatangan Pegawai

( Nama Pegawai )

**BAHAGIAN IV : ULASAN KETUA JABATAN****1. PENGARAH IPG/KOLEJ MATRIKULASI/PENGETUA/GURU BESAR**

Tarikh : ..... Tandatangan : .....  
(Nama : ..... )  
Jawatan / Gred : .....

**2. ULASAN REKTOR IPGM / PENGARAH IAB / PENGARAH BAHAGIAN  
MATRIKULASI / PENGARAH JABATAN PELAJARAN NEGERI**

Nyatakan markah Penilaian Prestasi Tahunan pegawai bagi 3 tahun yang terkini:

- (i)      Tahun ..... Markah .....
- (ii)     Tahun ..... Markah .....
- (iii)    Tahun ..... Markah .....

Tarikh : ..... Tandatangan : .....  
(Nama : ..... )  
Jawatan / Gred : .....

**BAHAGIAN V : KEPUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Diluluskan tertakluk  
kepada syarat-syarat  
di Lampiran B, Pekeliling  
Perkhidmatan Bil. 9/2010

Tidak diluluskan

*[Tandakan (✓) mana yang berkenaan]*

Catatan:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh : .....

Tandatangan : .....

(Nama : .....)

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## LAMPIRAN ‘B’

### SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41 HINGGA DG48 YANG DILULUSKAN UNTUK BERGIAT DALAM AKTIVITI POLITIK

#### 1. Tatakelakuan Pegawai Awam

Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya, termasuk larangan berikut:

- a) segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu bertugas;
- b) kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswa Zah Gred DG41 hingga DG48;
- c) tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya; dan
- d) tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi Kerajaan, peralatan dan kemudahan pejabat untuk tujuan kegiatan politik.

#### 2. Cuti Untuk Aktiviti Politik

Pegawai hendaklah memohon cuti tanpa rekod selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu bertugas, terhad kepada aktiviti berikut:

- a) menghadiri mesyuarat parti politik di Peringkat Kebangsaan sebagai perwakilan; dan
- b) menghadiri seminar atau bengkel anjuran parti politik, yang membincangkan isu-isu nasional dan pembangunan negara.

Walau apa pun yang dinyatakan di dalam Perkara 2(a) dan (b) di atas, ia adalah tertakluk kepada persetujuan dan budi bicara Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

#### 3. Pembatalan Dan Penarikan Balik Kelulusan

- a) Kelulusan ini terbatal jika sekiranya pegawai berkenaan ditempatkan sama ada secara lateral atau dinaikkan pangkat ke jawatan pentadbiran sama ada di Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah atau di Institusi Pendidikan Guru atau Kolej Matrikulasi atau mana-mana agensi Kerajaan.
- b) Kelulusan ini juga terbatal sekiranya pegawai bersetuju menerima tawaran pemangkuhan (KUP) atau kenaikan pangkat ke Gred DG52 dan ke atas; dan
- c) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menarik balik kelulusan yang diberi kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**LAMPIRAN ‘C’**

*(Nama dan alamat pegawai)*

.....  
.....  
.....

Rujukan : .....

Tarikh : .....

Melalui dan salinan :

*(Ketua Jabatan dan alamat Jabatan)*

.....  
.....  
.....  
(u.p : )

Tuan,

**Permohonan Untuk Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Daripada (Nama dan Jawatan Pegawai)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan bertarikh (*tarikh*) mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian pada (*tarikh*) telah bersetuju meluluskan permohonan tuan untuk (*nyatakan tujuan permohonan*). Kelulusan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- a) Segala kegiatan politik tuan hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya, termasuk larangan berikut:
  - i) kegiatan politik tuan hendaklah dilakukan di luar waktu bertugas;
  - ii) kegiatan politik tuan hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 hingga DG48;
  - iii) tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi tuan atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya; dan
  - iv) tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi Kerajaan, peralatan dan kemudahan pejabat untuk tujuan kegiatan politik.

- b) Tuan hendaklah memohon cuti tanpa rekod selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu bertugas, terhad kepada aktiviti berikut:
  - i) menghadiri mesyuarat parti politik di Peringkat Kebangsaan sebagai perwakilan; dan
  - ii) menghadiri seminar atau bengkel anjuran parti politik, yang membincangkan isu-isu nasional dan pembangunan negara.
- c) Kelulusan ini terbatal jika sekiranya tuan ditempatkan sama ada secara lateral atau dinaikkan pangkat ke jawatan pentadbiran sama ada di Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah atau di Institusi Pendidikan Guru atau Kolej Matrikulasi atau mana-mana agensi Kerajaan.
- d) Kelulusan ini juga terbatal sekiranya tuan bersetuju untuk menerima tawaran pemangkuhan (KUP) atau kenaikan pangkat ke Gred DG52 dan ke atas.
- e) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menarik balik kelulusan yang diberi, sekiranya tuan gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan tuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

*Tandatangan Pegawai*

.....  
( Nama Pegawai )  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k      Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. Putrajaya  
(u.p : Sektor Pembangunan Dasar Tatatertib dan Keputusan)

Bersama-sama ini dilampirkan Borang JPA (T) 1/10 untuk tujuan rekod.

**LAMPIRAN ‘D’**

*(Nama dan alamat pegawai)*

.....  
.....  
.....

Rujukan : .....

Tarikh : .....

Melalui dan salinan :

*(Ketua Jabatan dan alamat Jabatan)*

.....  
.....  
.....

(u.p : )

Tuan,

**Permohonan Untuk Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Daripada (Nama dan Jawatan Pegawai)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan bertarikh (*tarikh*) mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian pada (*tarikh*) telah membuat keputusan tidak meluluskan permohonan tuan untuk (*nyatakan tujuan permohonan*) dan **keputusan ini adalah muktamad**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

*(Tandatangan Pegawai)*

.....  
( Nama Pegawai )

b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k      Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. Putrajaya  
(u.p : Sektor Pembangunan Dasar Tatatertib dan Keutuhan)

Bersama-sama ini dilampirkan Borang **JPA (T) 1/10** untuk tujuan rekod.